

Rakyat muflis kerana kad kredit

M.B.P.J.

Sinar
17/1
m

Sebanyak empat peratus rakyat di negara kita didapati muflis antara 2007 hingga 2013 akibat gagal mampu menjelaskan hutang kad kredit.



ONG BOON TECK

Memetik laporan daripada Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl), *Sin Chew Jit Poh* menulis, kebanyakan pengguna kad kredit yang tidak mampu membuat bayaran kepada bank dikatakan terdiri daripada golongan remaja.

Golongan ini dipercayai tidak mampu menguruskan kewangan sendiri dengan baik ditambah lagi banyak kemudahan melalui kad kredit yang disediakan pihak bank, menyebabkan jumlah orang yang muflis semakin hari semakin ramai.

Mengikut laporan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), daripada jumlah orang yang datang meminta bantuan kewangan dengan agensi itu, lebih kurang 15 peratus daripadanya adalah disebabkan gagal menguruskan perbelanjaan mereka ketika menggunakan kad kredit.

Manakala hasil penyelidikan yang dijalankan oleh UiTM ke atas orang ramai yang gagal membuat bayaran kad kredit selama tiga bulan dan meminta bantuan

dengan AKPK, mendapati 86.2 peratus adalah terdiri daripada ahli profesional muda. Daripada jumlah itu, sebanyak 58 peratus adalah

terdiri daripada golongan yang berusia antara 26-35 tahun.

Mengikut kajian dijalankan, ahli-ahli profesional muda yang mengalami masalah kewangan adalah disebabkan kerap membeli telefon bimbit, komputer bimbit dan barang-barang elektronik yang berjenama dan terkini.

Biarpun perangkaan menunjukkan semakin ramai rakyat muflis kerana gagal menjelaskan hutang kad kredit, namun Bank Negara Malaysia (BNM) mendapati jumlah penggunaan kad kredit oleh rakyat Malaysia tetap menunjukkan peningkatan antara 6 hingga 15.1 peratus setiap tahun.

Apa yang lebih mengejutkan, lebih kurang 80 peratus pengguna kad kredit di negara kita mempunyai pendapatan kurang daripada RM5,000 sebulan, dan daripada jumlah itu, separuh daripadanya adalah berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan!

Selain peningkatan dari segi hutang, jumlah pemohon kad kredit juga dikatakan semakin hari semakin ramai. Antara 2010 hingga 2014, seramai 2.3 hingga 2.8 juta telah

“ Lebih kurang 80 peratus pengguna kad kredit di negara kita mempunyai pendapatan kurang daripada RM5,000 sebulan, dan daripada jumlah itu, separuh daripadanya adalah berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan!”

membuat permohonan dan jumlah ini meningkat kepada 3.8 juta pada tahun lalu.

Sementara itu, *China Press* melaporkan, Mahkamah Australia kelmarin mendedahkan senarai barang-barang yang dibelanjakan Pelajar Malaysia, Christine Jiaxin Lee, 21 yang memperoleh durian runtuh setelah kecuaihan pihak bank Australia memasukkan wang bernilai A\$4.6 juta (RM13.5 juta) ke dalam akaun miliknya.

Setelah memperoleh durian runtuh itu, Christine dipercayai terus melakukan pembelian tanpa berhenti, malahan barang-barang yang dibelinya adalah berjenama dan mahal.

Antara senarai pembelian dilakukan oleh Christine kesemuanya berjumlah 128 jenis barang, termasuklah beg tangan, set barangan kemas dan menginap di resort mewah.

Akhbar ini turut melaporkan, setelah penyiataan yang dijalankan pihak bank di Australia, jumlah keseluruhan wang yang dibelanjakan Christine dalam tempoh tiga tahun lalu dianggarkan A\$1 juta (RM2.9 juta).

Mengikut rekod diperoleh dalam Bank Westpac yang diserahkan kepada mahkamah, jumlah wang yang paling banyak dibelanjakan Christine dalam sehari ialah sebanyak A\$310,000 (RM910,000), iaitu membeli barangan berjenama dalam lima buah kedai yang dimasukinya.

Antara barangan berjenama dibeli gadis itu ialah beg tangan berjenama Hermes Birkin bernilai A\$160,000 (RM469,370) dan alat pembersih vakum mewah.

Selain itu, pelajar jurusan kejuruteraan kimia tahun ketiga itu turut membeli bantal kashmir rekaan Chanel bernilai A\$1,360 (RM3,989), set barangan kemas dan menyewa di resort mewah secara bersendirian.

Christine dikatakan telah dibebaskan polis setelah teman lelakinya, Junnan Jin Vincent King membayar wang jaminan A\$1,000 (RM2,900).

Buat masa ini, Christine diarahkan pihak berkuasa untuk tinggal bersama teman lelaki di sebuah apartmen di Rhodes sementara menunggu percabaran lanjut.